

Pondok rehat rosak, pokok tumbang akibat tanah mendap

Hakisan Pantai Rhu makin parah

Oleh **MANIRAH OTHMAN**

manirah.othman@kosmo.com.my

KUALA TERENGGANU – Hakisan di Pantai Rhu di Kampung Kubang Badak dan Tok Jembal dekat sini semakin menjadi-jadi apabila empat buah pondok rehat dan beberapa batang pokok tumbang akibat dipukul ombak sejak seminggu lalu.

Tinjauan

Kosmo! mendapati, keadaan kawasan sepanjang kira-kira 100 meter yang menjadi lokasi tumpuan



orang ramai semakin tidak selamat untuk dikunjungi ekoran kejadian tanah mendap di situ.

Seorang peniaga, **Rubiah Soh (gambar)**, 42, memberitahu, hakisan terbaharu berlaku kira-kira seminggu lalu apabila kawasan



SEBUAH pondok rehat hampir rebah akibat hakisan pantai di Pantai Rhu, Kuala Terengganu semalam.

tanah sepanjang kira-kira 20 meter mendap ke kawasan pantai.

“Sebuah kedai makan juga turut terjejas sebab sebahagian kedai itu sudah terhakis menye-

babkan pemiliknya terpaksa tutup kedai,” katanya ketika ditemui dekat sini semalam.

Bagaimanapun katanya, kejadian tersebut tidak menjejaskan

kedatangan pengunjung ke kawasan peranginan tersebut.

“Jangan tunggu sehingga berlaku perkara yang tidak diinginkan baru bertindak,” katanya.

Sementara itu, seorang pengunjung, **Muhammad Zafrii Osman**, 34, berharap agar kerja penambakan kawasan itu segera.

“Banyak kemudahan di sini sudah rosak dan jika lambat ditambah, kemungkinan besar lebih banyak kemudahan di sini akan rosak,” katanya.

Sementara itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri telah mengeluarkan kenyataan bahawa mereka kini sedang menambak kawasan sepanjang 450 meter itu dengan kos RM2.5 juta.

Bagaimanapun, dalam kenyataan sama, JPS turut bercadang untuk menambak semua kawasan pantai yang kritikal itu dengan panjang keseluruhan 1.5 kilometer yang dijangka menelan belanja RM7.5 juta.